

17 DEC 2002

Ling-ADUN

PENGGANTUNGAN DUA WAKIL RAKYAT MCA TAK LEMAHKAN BN, KATA LING

IPOH, 17 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau yakin dua wakil rakyat dari parti itu yang digantung keanggotaan masing-masing dalam MCA, tidak akan melemahkan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana BN terbukti sebuah parti yang mempunyai "daya pemulihan" yang tinggi, katanya.

"Sebelum ini, BN pernah menghadapi krisis demi krisis dan semuanya dapat diatasi dan BN sehingga kini masih kukuh. Saya yakin kita tidak akan terjejas dengan masalah dua ADUN tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang ACP Industries (ACPI) Berhad bersama-sama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di Lahat, dekat sini hari ini.

ACPI adalah sebuah syarikat membuat gegalang konkrit landasan kereta api yang terlibat dengan pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar dari Rawang ke Ipoh.

Semalam Majlis Presiden MCA menggantung keanggotaan ADUN Jawi, Tan Cheng Liang dan ADUN Datuk Keramat, Lim Boo Chang tanpa had masa kerana mengambil sikap berkecuali ketika Barisan Nasional menolak usul pembangkang berhubung penangguhan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 21 Nov lepas.

Beliau berkata isu dua ADUN itu tidak perlu dibincangkan lagi kerana ia telah diselesaikan dan keputusan mengenainya sudah diambil dan dilaksanakan mengikut perlembagaan MCA.

Katanya, beliau tidak menerima bantahan dari mana-mana pihak termasuk dua ADUN tersebut mengenai keputusan menggantung mereka dan merasakan ia diterima baik.

Ling juga berkata beliau sentiasa mendapatkan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membuat sebarang keputusan yang melibatkan masalah dalaman MCA dan Barisan Nasional.

Katanya, amalan mendapatkan pandangan Perdana Menteri sebelum membuat keputusan mengenai MCA adalah satu amalan yang baik dan berfaedah kepada MCA memandangkan Perdana Menteri adalah Pengerusi BN selain mempunyai pandangan yang luas.

"Saya dah berjumpa Perdana Menteri mengenai rancangan penggantungan tanpa had masa kepada terhadap dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang MCA," katanya.

Dr Ling berkata beliau akan sentiasa mendapatkan pandangan Perdana Menteri kerana beliau adalah "Bapa BN" yang bijak dan sentiasa mempunyai pandangan yang bijak.

-- BERNAMA

KAY MAI